



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PELAKSANAAN INISIATIF PENANGGUHAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PTPTN

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan dan menyambut baik inisiatif penangguhan bayaran balik pinjaman secara bersasar kepada peminjam PTPTN yang layak selama tiga (3) bulan lagi sebagaimana yang telah diumumkan oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi pada 9 Jun 2021.
2. PTPTN sebagai agensi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) komited untuk memastikan inisiatif ini dilaksanakan dengan baik bagi memastikan peminjam mendapat manfaat daripada inisiatif yang diberikan oleh Kerajaan ini. Pelaksanaan penangguhan bayaran balik pinjaman ini adalah seperti berikut:
 - a) Penangguhan bayaran balik pinjaman PTPTN ini diberikan kepada peminjam yang kehilangan pendapatan (diberhentikan pekerjaan) dan yang terjejas pendapatan (pendapatan berkurangan).
 - b) Peminjam perlu mengemukakan permohonan secara dalam talian di www.ptptn.gov.my/penangguhanpkp3.0 mulai 10 Jun 2021 sehingga 31 Ogos 2021. Tiada sebarang dokumen sokongan diperlukan semasa permohonan.
 - c) Penangguhan bayaran balik ini adalah untuk tempoh tiga (3) bulan bermula pada bulan permohonan diluluskan dan dua (2) bulan ke hadapan di antara Jun hingga Oktober 2021.
 - d) Kelulusan penangguhan akan dimaklumkan kepada peminjam melalui e-mel dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dari tarikh peminjam mengemukakan permohonan.
3. Peminjam adalah diingatkan untuk mengemaskini maklumat perhubungan yang tepat dan terkini bagi memastikan maklumat berkenaan kelulusan permohonan penangguhan dapat disampaikan kepada mereka.
4. Keputusan ini menunjukkan bahawa Kerajaan amat prihatin dan peka terhadap kesukaran yang ditanggung oleh peminjam PTPTN. Diharapkan inisiatif ini dapat membantu mereka menguruskan kewangan dengan lebih baik dan meringankan beban ekoran terkesan akibat pandemik Covid-19.

5. Peminjam yang tidak terkesan boleh meneruskan pembayaran balik pinjaman mereka melalui saluran yang telah disediakan. PTPTN mengucapkan terima kasih serta merakamkan setinggi penghargaan kepada peminjam yang terus komited membuat bayaran balik pinjaman demi kelangsungan pembiayaan PTPTN kepada pelajar lain pada masa akan datang.

6. Untuk maklumat dan sebarang pertanyaan lanjut, peminjam boleh menghubungi Careline PTPTN melalui talian di 03 - 2193 3000 yang beroperasi pada hari Isnin hingga Jumaat, jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang atau melayari Portal Rasmi PTPTN di www.ptptn.gov.my di ruangan Soalan Lazim.

**Ahmad Dasuki Abdul Majid
Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
10 Jun 2021**